

Buletin Fakta

Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia serta perkongsian mengenai aktiviti kajian dan program yang dianjurkan

Menarik Edisi Ini

**PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA:
MEMPERKASA PENDIDIKAN KESIHATAN
SEKSUAL DAN REPRODUKTIF**

**PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA:
MENOKTAHKAN BUDAYA BULI, MEMBINA
GENERASI PRIHATIN**

**KURSUS VISUALISASI 2025:
TABLEAU**

**INTERACTIVE POLLING :
PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA:
MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN
KESIHATAN SEKSUAL DAN
REPRODUKTIF**

**INTERACTIVE POLLING :
PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA:
MENOKTAHKAN BUDAYA BULI,
MEMBINA GENERASI PRIHATIN**

Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia
(IYRES)

Tel : 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel : info@iyres.gov.my

Laman sesawang : www.iyres.gov.my

Persidangan Meja Bulat:

MEMPERKASA PENDIDIKAN KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF

OLEH: NUR DIYANA NADIRAH MOHD HADI



Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan PUSPANITA Cawangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Persidangan Meja Bulat Belia (RTD) bertemakan “Memperkasakan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduksi” pada 30 September 2025 bertempat di RekaScape, Cyberjaya, Selangor. Persidangan tersebut telah menghimpunkan seramai 294 peserta yang terdiri daripada pengerusi-pengerusi PUSPANITA mengikut cawangan kementerian, wakil jabatan, agensi korporat, institusi pendidikan dan penyelidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), atlet, jurulatih, ibu bapa dan individu belia.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan. Dalam ucapan perasmian, beliau memberi penekanan kepada kepentingan meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup golongan belia dalam aspek kesihatan seksual dan reproduktif. Beliau dalam ucapannya berkata, “Kalau kita ragu untuk bercakap tentang pendidikan kesihatan seksual hari ini, bersedialah menanggung kos rawatan pada masa akan datang”. Setiap pencegahan yang kita laksanakan hari ini bermakna kurang satu beban di hospital pada masa depan.”



Setelah itu, sesi perkongsian mengenai pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif belia telah dibentangkan oleh wakil United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia. Seterusnya, program diteruskan dengan dua sesi forum yang menampilkan lima orang panel pakar pelbagai bidang dan dipandu oleh seorang dua orang moderator berpengalaman. Forum berkenaan telah membincangkan topik “Membina Kesedaran, Mendorong Penerimaan: Cabaran Pendidikan Seksual dan Reproduksi” dan “Masa Depan Pendidikan Seksual dan Reproduksi: Harapan dan Tanggungjawab”.



Diakhir program, Resolusi Memperkukuhkan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduksi Belia telah dibentangkan oleh Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan I IYRES, manakala ucapan penutup telah disampaikan oleh YBhg. Datin Vanitha a/p Rukmagundan, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).



“Kalau kita ragu untuk bercakap tentang pendidikan kesihatan seksual hari ini, bersedialah menanggung kos rawatan pada masa akan datang. Setiap pencegahan yang kita buat hari ini bermakna kurang satu beban di hospital pada masa depan.”

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan



“Memperkasa pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif bermakna memperkasa generasi muda agar celik ilmu, berakhlak, dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri serta orang lain. Setiap maklumat yang disampaikan dengan betul akan menjadi benteng pertama dalam melindungi kesihatan, kesejahteraan dan masa depan mereka.”

Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan I IYRES



“Setiap anak berhak dididik dengan ilmu, nilai dan tanggungjawab agar mereka mampu menjaga diri, membina masa depan yang sihat dan menjalani kehidupan dengan keperibadian mulia.”

Datin Vanitha a/p Rukmagundan, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA: MENOKTAHKAN BUDAYA BULI, MEMBINA GENERASI PRIHATIN

OLEH: NUR DIYANA NADIRAH MOHD HADI



Persidangan Meja Bulat Belia (RTD) bertemakan "Menoktahkan Budaya Buli, Membina Generasi Prihatin" telah berjaya diadakan pada 16 Oktober 2025 bertempat di Dewan Podium B, Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Putrajaya. Persidangan tersebut merupakan kerjasama strategik antara Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES); Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dan PUSPANITA Cawangan KBS. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, manakala majlis penutupan pula telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Chan Hong Jin, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KBS.

Program ini telah disertai oleh seramai 213 orang peserta yang terdiri daripada pakar dalam pelbagai bidang, ahli panel, pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi, ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta golongan belia. Sesi persidangan ini telah menerima maklum balas yang aktif daripada para peserta, merangkumi perbincangan berkaitan faktor-faktor yang mendorong berlakunya kes buli, serta cadangan dan pandangan yang konstruktif. Hasil daripada perbincangan tersebut, KBS telah berjaya merumuskan Resolusi Memperkukuhkan Langkah Pencegahan dan Menoktahkan Budaya Buli sebagai panduan strategik dalam menangani isu buli melalui pendekatan kolaboratif yang menyeluruh, melibatkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi berkaitan.

Isu buli merupakan cabaran sosial yang memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan individu dan keharmonian masyarakat. Isu buli bukan sekadar masalah disiplin atau peraturan, tetapi mencerminkan cabaran dalam membina empati, rasa hormat dan nilai kemanusiaan dalam diri setiap individu.

**Puan Chan Hong Jin, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik),
KBS**

Antara pengisian utama adalah Sesi Interaktif bersama YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, serta forum bertajuk "Menoktahkan Buli: Strategi Pencegahan dan Intervensi" yang menampilkan tiga pakar daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Turut diadakan ialah perkongsian berkenaan pengurusan insiden video tular di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) oleh YBrs. Puan Dalila Sharingat, Pengarah Kemahiran, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia serta perkongsian realiti kes buli oleh SAC Siti Kamsiah Hassan, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM).



RM5 juta diperuntukkan bagi inisiatif 'lawan buli' - KBS



Home > Nasional > KBS bawa cadangan kembalikan penghormatan guru ke Jemaah Menteri

NASIONAL

KBS bawa cadangan kembalikan penghormatan guru ke Jemaah Menteri

Oleh **Muhammad Azizul Osman** - 16 October 2025



Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Hannah Yeoh bercakap pada sidang media selepas selesai Majlis Pecah Tanah Ibu Pejabat Baharu Majlis Olimpik Malaysia di Kompleks Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Foto MUHAIMIN MARWAN, 7 OGOS 2025



PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA: BANTUAN AWAL MENANGANI TINGKAH LAKU BUNUH DIRI BELIA

OLEH: SHAH ROMNIZAM RAMLI

Persidangan Meja Bulat Belia
BANTUAN AWAL
MENANGANI TINGKAH
LAKU BUNUH DIRI BELIA

26 November 2025 (Rabu)
8.00 pagi - 1.00 petang
Dewan Podium B
Menara KBS, Putrajaya

Untuk maklumat lanjut:
Nizam: 03-8871 3335 / nizam@iyres.gov.my
Hafiz: 03-8871 3307 / hafiz.hassan@iyres.gov.my

IYRES KBS

4d • BSEAN • MALAYSIA MADANI • DASHA-ora • IYRESKBS • info@iyres.gov.my • www.iyres.gov.my

Selaras dengan isu kesihatan mental belia mendapat perhatian pelbagai pemegang taruh, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) bersama Bahagian Pembangunan Rakan Muda, JBSN menganjurkan Persidangan Meja Bulat Belia (RTD) bertemakan “Bantuan Awal Menangani Tingkah Laku Bunuh Diri Belia” di Dewan Podium B, Menara KBS pada 26 November 2025.

Seramai 158 peserta hadir meliputi pakar kesihatan mental, wakil kementerian dan agensi, institusi pendidikan, NGO, golongan belia, ibu bapa, individu belia serta rakan strategik pembangunan belia.

Persidangan dimulakan dengan perkongsian menyentuh emosi “*Untold Story*” oleh wakil Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT), diikuti penerangan mengenai Perkhidmatan Talian HEAL 15555 oleh Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH).

Seterusnya, Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan, IYRES telah membentangkan penghasilan Panduan Ringkas (Quick Guide) Bantuan Awal Krisis Menangani Tingkah Laku Bunuh Diri dalam Kalangan Belia sebagai rujukan kepada individu dan pelbagai pihak.

Sesi dialog interaktif bersama peserta telah dipengerusikan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bagi mendapatkan maklum balas serta cadangan intervensi daripada individu yang terkesan, pakar bidang dan pemegang taruh pembangunan belia dalam usaha memperkukuh kesejahteraan mental belia.

Awal Cegah Bunuh Diri Diterbit Akhir Tahun Ini - Hannah



🕒 26/11/2025 05:18 PM






Isu sosial memberi kesan besar terhadap kesejahteraan belia, terutama dalam membentuk sahsiah dan jati diri mereka. Inisiatif mempersiapkan belia dengan pendidikan berasaskan nilai murni serta pendekatan yang bijaksana amat penting untuk memupuk kefahaman, empati dan ketahanan diri. Dengan asas ini, belia akan lebih bersedia menghadapi pelbagai cabaran sosial, termasuk isu berkaitan bunuh diri.

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan percaya bahawa apabila belia diberi maklumat yang tepat, ruang untuk bersuara dan peluang untuk menyumbang, mereka bukan sahaja mampu menjadi agen perubahan tetapi juga individu yang lebih kuat, bertanggungjawab dan berdaya tahan. Belia yang berpengetahuan dan yakin diri adalah benteng utama dalam melindungi diri, menyokong rakan sebaya serta mencegah tindakan yang boleh membahayakan diri dan komuniti.

“Belia kita adalah harapan negara. Apabila kita memperkasakan mereka, kita sebenarnya memperkukuhkan masa depan Malaysia.” – YB Hannah Yeoh



“Quick Guide ini akan dijadikan bahan rujukan mudah kepada golongan belia, keluarga, rakan serta komuniti bagi mengenalpasti tanda awal, memberi sokongan segera dan menghubungkan individu berisiko kepada saluran bantuan yang tepat.”

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan



“Quick guide ini dibangunkan bagi memberi sokongan sosial yang kukuh kepada generasi belia yang terkesan disebabkan isu putus harapan (*hopelessness*) dan rasa tidak berdaya (*helplessness*).”

Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan I, IYRES

Siri 3
Kursus Visualisasi 2025:
TABLEAU
Intermediate

OLEH: MOHD RIZAL MOHD SHAM

TEGLAB IYRES: Memperkasa Literasi visualisasi Data Belia melalui Tableau

Dalam era digital yang semakin pesat, keupayaan untuk memahami dan memanfaatkan data menjadi keperluan asas dalam pembangunan dasar dan program yang berkesan. Menyedari hakikat ini, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah memperkenalkan **Technology Lab (TEGLAB)**, sebuah inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan literasi data dalam kalangan belia, penjawat awam, dan pemegang taruh belia di Malaysia.

TEGLAB merupakan sebuah platform latihan teknikal yang memfokuskan kepada pembangunan kemahiran dalam pengurusan dan visualisasi data. Program ini direka khas untuk membantu peserta memahami cara-cara mengumpul, menganalisis, dan memaparkan data secara interaktif, seterusnya menyokong proses pembuatan keputusan yang berasaskan bukti. Pada tahun 2025, IYRES melalui Cawangan Pengurusan Data (CPD) telah meneruskan pelaksanaan kursus Visualization: Dashboard Development With Tableau bagi peringkat Intermediate.

Kursus ini merupakan inisiatif IYRES melalui CPD untuk memberikan latihan, pembelajaran dan perkongsian kepakaran dalam proses visualisasi data menggunakan Tableau.

Objektif



Meningkatkan kemahiran peserta dalam proses pengumpulan, penganalisisan dan visualisasi data menggunakan perisian Tableau.



Menghasilkan dashboard projek melalui data dengan lebih mudah, cepat, dan interaktif.



Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan data dan pembudayaan fakta melalui program latihan dan pendidikan.

TEGLAB
TECHNOLOGY TRAINING LAB




KAJANG, 17–18 Jun 2025 – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) meneruskan inisiatif pemeraksanaan data dengan penganjuran TEGLAB Siri 3/2025: Kursus Visualisasi Tableau (Intermediate) yang telah berjaya dilaksanakan selama dua hari bertempat di Park Inn by Radisson Putrajaya, Kajang, Selangor.

Kursus ini dikendalikan oleh Encik Abdul Hakim Mohammad, Data Visualization Engineer daripada Opensoft Technologies Sdn. Bhd., dengan penyertaan seramai 19 peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi, IPT, NGO serta kerajaan negeri.

Sepanjang kursus, peserta telah didedahkan kepada pengenalan kepada *Intermediate Tableau Features*, teknik *Data Visualization* serta penggunaan *Calculated Fields & Parameter*, aplikasi *Data Analytics*, pembangunan dashboard interaktif menggunakan Tableau.

Penganjuran ini merupakan siri ketiga sekaligus penutup TEGLAB tahun 2025. Melalui inisiatif TEGLAB, literasi peserta dalam pengurusan serta visualisasi data dapat ditingkatkan di samping memperkukuh kesedaran tentang kepentingan data dan pembudayaan fakta.


Program ini juga berperanan membekalkan peserta dengan kemahiran analitik bernilai tinggi dan relevan dalam persekitaran kerja masa kini.



Penganjuran kursus ini membuktikan komitmen IYRES dalam menyokong inisiatif pendigitalan sektor awam dan memperkukuh kebolehan sumber manusia negara ke arah sistem pengurusan data yang lebih cekap, inklusif dan bernilai tambah.

Pelaksanaan TEGLAB 2025 membuka ruang baharu kepada penjawat awam dan pemegang taruh pembangunan belia untuk lebih celik teknologi dan berkeyakinan dalam mengendalikan data. Usaha ini perlu disokong dan diperluas agar transformasi digital dalam sektor awam direalisasikan secara menyeluruh dan berterusan.

Dalam landskap pembangunan negara yang semakin mencabar, keupayaan untuk memahami, mengurus, dan memanfaatkan data secara strategik bukan lagi pilihan dan merupakan keperluan utama. Melalui TEGLAB, IYRES telah memulakan langkah ke arah membina generasi pelaksana yang berilmu, cekap dan berdaya saing dalam dunia yang didorong oleh data.





Interactive Polling :

SURVEI, N=199 ORANG

PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA: MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF

OLEH: NUR SYUHADA MOKHZAN & MASTURA MOHAMAD


“Adakah kita sudah cukup memberi perhatian kepada pendidikan tentang hak dan tanggungjawab seksual dalam kalangan belia?”

Sempena Persidangan Meja Bulat Belia: Memperkasakan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduksi pada 30 September 2025, IYRES telah melaksanakan satu *Interactive Polling* bagi mendapatkan pandangan serta mengukur tahap pemahaman peserta terhadap isu ini. Para peserta juga berpeluang menyatakan pendapat dan mengesyorkan mekanisme yang bersesuaian dalam memperkukuh pendidikan kesihatan seksual dalam kalangan belia. Maklum balas yang diperolehi mendapati terdapat kesedaran berhubung perkara ini, namun masih memerlukan penekanan terhadap aspek pengetahuan dan bimbingan yang berterusan.

Dapatan *polling* ini menunjukkan bahawa sebahagian peserta (55.8%) memberi penekanan kepada kepentingan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab seksual sebagai faktor utama dalam memperkasa pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif. Peserta juga berpandangan perlunya pencegahan penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS dan STI (15.1%), kemahiran membuat keputusan sihat dalam hubungan (14.6%), serta pengetahuan asas biologi dan reproduksi (12.1%). Ini menegaskan bahawa pendidikan yang menyeluruh dan berfokus pada hak serta tanggungjawab adalah kunci kepada kesejahteraan generasi belia dan memerlukan intervensi yang lebih inklusif dan berkesan.

Apabila membincangkan pendekatan paling berkesan dalam penyampaian pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif kepada generasi belia, tinjauan ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah yang menjadi pilihan peserta. Sebanyak 34.7% peserta berpandangan bahawa penyampaian melalui media sosial dan kandungan digital merupakan cara yang paling berkesan, sekali gus mencerminkan keupayaan platform digital untuk menarik minat serta memudahkan akses dalam kalangan belia.

APAKAH CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI BELIA DALAM MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI KESIHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF?




Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025

Selain itu, 28.6% peserta memilih pendidikan formal sebagai saluran utama, iaitu melalui pelaksanaan modul rasmi di institusi sekolah dan universiti. Pendekatan berbentuk bengkel interaktif dan program komuniti turut dikenalpasti sebagai pilihan oleh 22.1% peserta, manakala 12.1% lagi peserta memilih kaedah konsultasi bersama kaunselor atau pegawai kesihatan, yang menggambarkan keperluan terhadap bimbingan peribadi dan profesional dalam menangani isu-isu sensitif. Secara keseluruhannya, gabungan pelbagai pendekatan ini wajar dilaksanakan secara seimbang agar penyampaian pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif dapat disampaikan dengan lebih menyeluruh, efektif dan bersesuaian dengan keperluan generasi belia.

Peserta juga berpandangan, ibu bapa dan keluarga memegang peranan utama dalam memperkukuh pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif dalam kalangan belia (66.3%). Pendidik dan institusi pendidikan juga menyumbang peranan yang penting (21.1%). Selain itu, peranan agensi kerajaan, NGO, rakan, dan *influencer* belia bukan peranan utama namun masih menyumbang dalam memperkukuh pendidikan seksual dan reproduktif dalam kalangan belia. Ini menunjukkan kerjasama erat antara keluarga, institusi pendidikan dan komuniti amat penting bagi memastikan belia menerima pendidikan yang tepat dan berkesan. Dengan usaha bersama, generasi belia dapat dibentuk menjadi individu yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan sihat secara seksual dan reproduktif.

BAGAIMANA ANDA MELIHAT **PENERIMAAN MASYARAKAT** TERHADAP PENDIDIKAN KESIHATAN SEKSUAL & REPRODUKTIF UNTUK BELIA?



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025

Pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif adalah asas penting dalam membina generasi belia yang berilmu, bertanggungjawab dan berakhlak mulia. Kita harus pastikan mereka mendapat maklumat yang tepat supaya dapat melindungi diri dan membuat pilihan yang bijak dalam kehidupan

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan

“Setiap anak berhak tahu dan belajar kemahiran yang betul untuk jaga diri mereka. Mereka bukan saja perlu faham tentang tubuh badan sendiri, tapi juga perlu diberi pendedahan berkaitan nilai, tanggungjawab dan kasih sayang dalam kehidupan seharian”.

Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan I IYRES



POLL SURVEY, N=73 ORANG

OLEH: NUR SYUHADA MOKHZAN & MASTURA MOHAMAD

“Pernahkah kita terfikir, bahawa ejekan dan umpatan sebenarnya salah satu bentuk buli yang paling kerap berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini?”

IYRES telah melaksanakan *Interactive Polling* sempena Persidangan Meja Bulat Belia bagi mengumpul pandangan dan pengalaman peserta mengenai isu buli dalam kalangan belia. Berdasarkan kaedah “*real-time*” polling, peserta berpeluang menyuarakan pendapat secara terbuka dan interaktif. Dapatan menunjukkan sokongan padu terhadap usaha memperkukuh pendidikan serta kempen kesedaran berterusan. Inisiatif ini turut membuka ruang dialog dua hala antara belia dan pemegang taruh pembangunan belia.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa buli lisan merupakan bentuk buli yang kerap berlaku dengan 68.50% peserta melaporkan pengalaman tersebut. Peratusan ini jauh lebih tinggi berbanding buli siber yang dicatatkan oleh 12.33% peserta serta buli fizikal yang melibatkan 6.85% peserta. Selain itu, pengasingan sosial dan tekanan mental masing-masing dilaporkan oleh sebahagian kecil peserta, mencerminkan kewujudan bentuk buli yang kurang ketara tetapi tetap memberi kesan terhadap kesejahteraan individu. Menariknya, terdapat juga laporan berkaitan buli minda dan emosi di tempat kerja, yang menegaskan bahawa isu buli bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar, malah turut meluas ke alam pekerjaan. Dapatan ini memberi penekanan terhadap keperluan intervensi yang lebih menyeluruh dan berkesan bagi menangani pelbagai bentuk buli merentasi konteks sosial yang berbeza.

Namun, apakah punca sebenar di sebalik gejala ini? Dapatan menunjukkan bahawa faktor persekitaran merupakan penyumbang utama dengan 41.07% peserta menyatakan bahawa kurangnya pemantauan serta pendedahan kepada budaya negatif mendorong berlakunya tingkah laku membuli. Selain itu, masalah keluarga turut dikenal pasti sebagai faktor signifikan yang mempengaruhi gejala ini (21.92% peserta). 16.44% mengatakan disebabkan faktor psikologi, seperti tekanan dan kemurungan. Selain itu, pengaruh rakan sebaya dikenal pasti oleh sebahagian kecil peserta. Pengaruh teknologi dan media sosial turut menyumbang kepada masalah ini, dengan 6.85% peserta mengaitkannya sebagai punca buli. Menariknya, terdapat juga peserta yang mengakui pernah menjadi mangsa buli sebelum ini tetapi kemudiannya bertukar menjadi pembuli, sekali gus menggambarkan kewujudan kitaran buli yang berbahaya dan perlu ditangani secara serius melalui intervensi yang lebih menyeluruh dan berkesan.


Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa gejala buli bukan sekadar berpunca daripada masalah tingkah laku individu, sebaliknya merupakan hasil interaksi pelbagai faktor sosial, emosi dan persekitaran yang saling berkait. Sehubungan itu, usaha membendung gejala ini menuntut pendekatan yang holistik dan bersepadu, melibatkan kerjasama erat antara keluarga, institusi pendidikan dan masyarakat, bagi membentuk persekitaran yang lebih berempati, saling menghormati dan bertanggungjawab, seterusnya mewujudkan kesejahteraan sosial yang berterusan.

Akhirnya, apabila diteliti dari sudut tanggungjawab dalam menangani isu buli, dapatan menunjukkan bahawa individu sendiri memainkan peranan paling besar, dengan 63.01% peserta berpandangan bahawa perubahan perlu bermula daripada diri sendiri. Seterusnya, ibu bapa dan keluarga turut dikenal pasti sebagai pihak penting dalam usaha menangani isu ini, melibatkan 13.69% peserta. Peranan pihak sekolah atau institusi pendidikan pula diakui oleh 9.59% peserta, diikuti kerajaan dengan 8.22% peserta, yang masing-masing berfungsi dalam pelaksanaan dasar, penguatkuasaan dan pemantauan. Selain itu, rakan-rakan dan tanggungjawab bersama semua pihak masing-masing diakui oleh 2.74% peserta, menegaskan bahawa setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan tersendiri. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa usaha membanteras gejala buli tidak boleh dipikul oleh satu pihak sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, beretika dan berperikemanusiaan.

Kementerian Belia dan Sukan komited untuk memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan serta masyarakat dalam memastikan mesej “Menoktahkan Budaya Buli, Membina Generasi Prihatin” benar-benar difahami dan diamalkan melalui program Rakan Muda.

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan

Bentuk buli yang paling kerap berlaku berdasarkan hasil Interactive Polling



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025

Interactive Polling :

PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA: BANTUAN AWAL MENANGANI TINGKAH LAKU BUNUH DIRI BELIA

OLEH: NUR SYUHADA MOKHZAN & MASTURA MOHAMAD


POLL SURVEY, N=79 ORANG

“Pernahkah kita terfikir bahawa satu mesej ringkas ‘awak okay?’ boleh mengubah masa depan seseorang?”

Sempena Persidangan Meja Bulat Belia: Menangani Tingkah Laku Bunuh Diri dalam Kalangan Belia, IYRES telah menjalankan satu sesi *Interactive Polling* bersama peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk belia, pegawai kerajaan, wakil institusi pendidikan serta rakan NGO. Tujuan utama tinjauan ini adalah untuk mendapatkan gambaran awal berhubung tahap pengetahuan, persepsi, serta bentuk sokongan yang diperlukan oleh generasi muda dalam menghadapi isu berkaitan kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri.

Secara umum, dapatan menunjukkan bahawa majoriti peserta mempunyai tahap kesedaran yang baik mengenai kewujudan talian bantuan kesihatan mental. Sebanyak 67.1% peserta mengakui mengetahui tentang perkhidmatan tersebut, manakala 32.9% masih tidak maklum tentang akses sokongan yang tersedia untuk belia. Walaupun angka ini menunjukkan perkembangan positif, namun jurang pengetahuan yang masih wujud mengisyaratkan keperluan promosi dan penyebaran maklumat yang lebih menyeluruh agar belia tidak terlepas daripada perkhidmatan penting dalam menangani tekanan psikologi.

Berdasarkan pandangan mengenai kecukupan sokongan semasa, sebahagian peserta, 64.6%, merasakan bahawa sokongan kesihatan mental yang disediakan pada masa ini belum memadai untuk memenuhi keperluan belia. Sebanyak 35.4% yang berpandangan bahawa sokongan yang ada sudah mencukupi. Tinjauan ini menunjukkan terdapat keperluan yang mendesak untuk memperkukuh sistem sokongan kesihatan mental negara, khususnya dari segi akses kepada perkhidmatan profesional, penyediaan platform mesra belia dan intervensi awal.



“Keakraban keluarga (*family closeness*) dan sokongan rakan sebaya (*peer support*) berfungsi sebagai faktor pelindung yang dapat mengurangkan kesan tekanan seperti kebimbangan, kemurungan dan buli terhadap pemikiran bunuh diri.”

Sumber: Jun Qiu, Jinling Wang, (2025), Influential Factors of Suicidal Ideation among University Students The Moderating Role of Family Closeness and Peer Support, <https://doi.org/10.32604/ijmh.2025.059951>

Apabila meneliti bentuk sokongan paling utama diperlukan oleh belia, dapatan menunjukkan bahawa sokongan emosi dan psikologi merupakan keperluan yang paling penting dengan 41.8% peserta memilih kategori tersebut. Ini termasuklah akses kepada kaunselor bertauliah, sesi sokongan psikologi serta ruang selamat untuk berkongsi masalah. Selain itu, 24.1% memilih sokongan rakan sebaya sebagai faktor penting dalam pencegahan tingkah laku bunuh diri, diikuti dengan keperluan program literasi kesihatan mental (21.5%) dan sokongan keluarga (12.7%). Corak dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kesejahteraan belia amat bergantung kepada sokongan sosial yang menyeluruh terutama daripada keluarga, rakan sebaya, komuniti sehingga golongan profesional.

Berdasarkan peranan pihak berkepentingan, keluarga dilihat beranan sangat penting dalam pencegahan tingkah laku bunuh diri 46.8%. Ini diikuti oleh rakan sebaya (22.8%), institusi pendidikan (17.7%), dan komuniti termasuk NGO (12.7%). Dapatan ini menggambarkan bahawa usaha menangani isu bunuh diri dalam kalangan belia tidak boleh diletakkan pada satu pihak sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama menyeluruh daripada ekosistem yang rapat dengan golongan muda.

Sementara itu, tinjauan mendapati bahawa 59.5% peserta tidak pernah menerima sebarang latihan berkaitan pertolongan awal kesihatan mental (Mental Health First Aid), manakala hanya 40.5% melaporkan pernah mengikuti pendedahan seumpamanya. Kekurangan pendedahan ini menunjukkan bahawa kapasiti masyarakat dalam memberikan respon awal terhadap isu kesihatan mental masih rendah dan perlu dipertingkatkan melalui latihan berskala besar, khususnya melibatkan belia sebagai kumpulan sasaran utama.

Secara keseluruhannya, dapatan *Interactive Polling* ini memberi gambaran jelas bahawa isu kesihatan mental dalam kalangan belia merupakan cabaran yang memerlukan usaha berterusan dan pendekatan yang lebih inklusif. Sokongan emosi dan psikologi yang berkesan, peranan aktif keluarga dan komuniti, serta peningkatan pendedahan kepada latihan pertolongan awal merupakan aspek-aspek penting yang perlu diberi perhatian segera. Melalui pelaksanaan intervensi yang lebih menyeluruh, holistik dan responsif, kesejahteraan mental generasi belia dapat diperkukuh seterusnya membantu mengurangkan risiko tingkah laku bunuh diri dalam kalangan belia di negara ini.

"Stigma masih menjadi halangan utama. Belia takut dilabel apabila mendapatkan bantuan ... kita perlu mewujudkan ruang selamat agar mereka berani bersuara serta menerima bantuan pada waktunya." Ini menunjukkan fokus panduan itu bukan hanya untuk belia tetapi juga kepada mereka yang ingin membantu individu yang berisiko."

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, Malaysia

"Masyarakat perlu menghapuskan stigma, menanamkan empati serta membina harapan, sambil mengingatkan bahawa bantuan sentiasa ada melalui talian sokongan seperti Talian HEAL 15555"

YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan, Malaysia

"Mulakan dengan bercakap dengan seseorang yang dipercayai iaitu *T- Tell someone you trust about your problem* (kongsi masalah dengan orang yang dipercayai); *A- Ask for Help* (Minta Bantuan); *L- Listen without judgment* (Dengar tanpa menghukum atau menghakimi) dan *K- Know where to seek help* (Tahu di mana untuk dapatkan bantuan)"

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pencegahan, Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Kecemasan Kesihatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Puan Shahhanim Yahya

Editor / Pereka Grafik

Puan Nur Syuhada Mokhzan

Puan Nuurul Mizaan Ya'cob

Puan Norhidayah Omar

Cik Ainul Aiyani Azman

Penulis

Puan Mastura Mohamad

Encik Mohd Rizal Mohd Sham

Puan Nur Diyana Nadirah Mohd Hadi

Encik Shah Romnizam Ramli

Puan Nur Syuhada Mokhzan

Profil IYRES

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan merupakan pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa (Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2001 (Akta 668))

